




IORA'

Bil. 5/2022

MEI

eISBN : 2735-1920



**Majlis Perasmian
Bangunan Jabatan Arkib Universiti
UiTM Shah Alam**

LIVE HD



Program Minda Lestari - Live@PTAR UiTMCM Siri 4/2022
PENGARUH MEDIA SOSIAL :
USAH BERFANTASI, KEMBALI KEPADA REALITI!!

12 MEI 2022 | 10:00 PAGI – 12:00 TENGAH HARI

Penceramah :

Ustaz Nik Affendi Mohamad

Penceramah Motivasi/Selaristi Media Sosial

Moderator :


Pn. Nur Shahira Md Shukor
Pegawai Psikologi Kanan,
UITM Cawangan Melaka

Anggaran Untuk Kerjaya dan Karir, UTM Cawangan Melaka

Dengan Keputusan : PTAR UTM Cawangan Melaka

**Live@PTAR UiTMCM: Pengaruh Media Sosial:
Usah Berfantasi, Kembali Kepada Realiti**
PTAR Bandaraya- muka 14

**Live@PTAR Tapah: Bibliografi -
Terapi Diri Melalui Pembacaan**
PTAR Tapah - muka 20



**Lawatan Pelajar UniKL MSI Kulim Ke
PTAR UiTMCPP**
PTAR Permatang Pauh - muka 21



Bergambar bersama selepas lawatan santai
di PTAR UTMCPP

A Day With PRIME
PTAR Machang - muka 24



PROMOSI@PTAR



MAJLIS TAZKIRAH PTAR BULAN MEI TAHUN 2022: TOPIK PUSAKA 20 MEI 2022

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



egagan mengurus pusaka atau aset peninggalan si mati akan mengakibatkan risiko perpecahan dan perbalahan di kalangan waris si mati. Situasi sebaliknya akan berlaku sekiranya pengurusan harta pusaka si mati dapat diurus dengan baik dan berhemah. Justeru, pengetahuan berkenaan pewarisan pusaka perlu disebar luas dikalangan masyarakat.

Topik tazkirah bulan Mei berkaitan "Pusaka" telah disampaikan dengan berkesan oleh Ustaz Mohd Hafiz Mohd Hasan. Dengan pengalaman yang luas berkaitan hibah, faraid dan wasiat, Ustaz Mohd Hafiz berjaya mencuri perhatian penonton apabila soalan-soalan yang dilontarkan oleh beliau mendapat maklumbalas yang baik daripada kalangan peserta. Dengan gaya penyampaian yang bersahaja dan mudah difahami, pengisian program meliputi isu-isu semasa berkaitan pusaka, pengenalan pusaka, pengenalan waris, pengenalan hibah, faraid dan wasiat, proses pembahagian pusaka, organisasi yang menguruskan hibah dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (2016).

Program yang berlangsung selama satu jam ini berakhir dengan sesi soal jawab oleh peserta. Antara soalan daripada peserta iaitu berkaitan pemilikan pusaka yang berstatus cagaran.

Sejumlah 30 orang peserta telah hadir di program tazkirah ini yang telah berlangsung pada hari Jumaat, 20 Mei 2022 jam 9 pagi.

